

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Gaji berkualiti tarik minat ceburi pertanian | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 01 Oct 2019 | Color | Black/white |
| Section | TEMPATAN | Circulation | 37,981 |
| Page No | 19 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 302 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,797 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 5,392 |



Gaji berkualiti tarik minat ceburi pertanian

SERDANG: Tawarkan pekerjaan berkualiti dan bergaji lumayan untuk menarik minat graduan dan orang muda menceburi bidang pertanian, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin.

Beliau berkata pertanian adalah sektor yang sangat penting dan memerlukan tenaga kerja dan pakar terutama orang muda untuk melonjakkan sektor itu.

"Saya mohon supaya para pengusaha memberi peluang pekerjaan yang berkualiti.

"Mereka (graduan) bukan pekerja asing atau kos buruh, tetapi mereka adalah pekerja mahir.

"Kami perlukan bakat dalam sektor ini tetapi kami perlu menarik bakat dengan bayaran lebih tinggi dan dengan pakej yang lebih baik.

"Dengan bakat dan bayaran lebih bagus, sektor pertanian akan meningkat ke tahap lebih baik," katanya kepada media selepas Majlis Konvokesyen Pertanian Kali



TIMBALAN Menteri Pertanian Sim Tze Tzin menyampaikan Anugerah Khas Pingat Emas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani kepada Nor Amiza Abul Karim @ Abdul Karim pada majlis Konvokesyen Pertanian di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) semalam. Turut sama Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Dr. Zunika Mohamed.

Ke-9 di sini semalam.

Sim berkata sektor pertanian bukan sahaja berpotensi mencipta peluang pekerjaan tetapi juga usahawan, jika dilihat daripada nilai makanan yang perlu dimport negara iaitu RM52 bilion.

"Ini sektor yang sangat berpotensi dan masa depan sungguh cerah. Dalam masa yang sama memenuhi

cabaran dan keperluan makanan pada masa depan," kata Sim.

Sejumlah 1,085 lepasan diploma dan sijil daripada 14 institusi latihan pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terlibat dalam konvokesyen semalam.

Penerima Anugerah Khas Pingat Emas dan Anugerah

Khas Ketua Pengarah Perikanan, Nor Amiza Abul Karim, berkata beliau melanjutkan pelajaran dalam bidang akuakultur di Akademi Perikanan Malaysia, Chendering, Terengganu setelah didorong keinginan membantu masyarakat kampung yang terlibat dalam perusahaan perikanan. -Bernama